

Majlis Khatam Al-Quran Peringkat Wilayah II (23 April 2019)

Program "Road to Ramadhan" anjuran Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) telah menerima kehadiran hampir 210 orang peserta yang terdiri dari kakitangan pejabat Wilayah II, PPK dan Peladang-Peladang. Majlis Khatam Al-Quran yang diadakan bertempat di Masjid Jamek Al-Shahab, Kepala Batas ini juga disambut meriah oleh anak-anak qaryah masjid bersama-sama dengan penduduk tempatan.

Yang Berbahagia Tuan Haji Aznan Bin Azizan yang merupakan mantan Pengarah Bahagian Khidmat Pengurusan turut hadir serta menyatakan sokongan kepada program yang diadakan. Encik Azham Mohd telah mengetuai Majlis Khatam Al-Quran bersama tazkirah berkaitan Ramadhan. Majlis ini telah disempurnakan oleh Y.Brs Encik Muhamad Hisham Mohd Noor, Pengurus Besar MADA Wilayah I.



